

Try Catch Me!

Oleh HENRY BATING

► Bakal menghantui penonton Disember ini

UB 21.10.2018 BP



ARIFF

TRY Catch Me! sebuah filem pendek genre seram hasil karya pelajar Universiti

Malaysia Sabah (UMS) dijangka menghantui para penonton apabila ditayangkan Disember ini.

Kru penerbitan, Nur Huda Izzati Izal menjelaskan sinopsis filem itu mengisahkan seorang budak perempuan bernama Misha yang diabaikan ibu bapa lalu berakhir menjadi pembunuh ibu.

“Lama-kelamaan sikap Misha yang psiko memberanikan diri membunuh ibunya kerana ingin membalas dendam akibat diabaikan. Perbuatannya yang pelik menjadi buah mulut orang sehingga menjadi kes polis. Siasatan demi siasatan dilakukan lalu

membongkar beberapa kes lalu berkaitan Misha,” kata Nur Huda.

Menurut Nur Huda, blok seni Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, UMS telah menjadi tempat khusus pembikinan filem itu yang juga pusat pengajian kepada para pelajar seni cabang Seni Kreatif, Seni Visual dan Seni Muzik.

“Pembikinan filem pendek itu adalah salah satu kursus wajib kalangan pelajar seni. Sebanyak 16 buah produksi telah ditubuhkan untuk melaksanakan pembikinan pelbagai filem pendek,” kata Nur Huda sambil menjelaskan pembikinan

filem pendek itu memberi pengalaman luar biasa kepada para pelajar seni tahun akhir semester satu.

Melalui kursus itu, pelajar didedahkan kepada ilmu pengurusan dan teknikal tentang pembikinan filem yang sangat berguna kepada mereka setelah tamat pengajian di samping amat membantu dalam latihan industri.

Try Catch Me! adalah tajuk filem pendek yang dihasilkan para pelajar Program Seni Kreatif major penulisan melalui produksi Moonlight Pictures,” katanya.

Mohamad Ariff Mohd Ramlee, pelajar asal Johor



KRU Moonlight Pictures.

menjadi pengarah filem pendek *Try Catch Me!* yang bakal ditayangkan 12, 13, 14 Disember hujung tahun ini.

“Harapan saya dalam pembikinan filem pendek ini ialah mahasiswa mampu berdaya saing terutama dalam bahagian produksi filem. Golongan muda dapat berkecimpung dalam dunia filem sekaligus menghasilkan idea yang menarik. Selain itu, saya berharap filem yang dihasilkan Moonlight Pictures ini dapat menarik penonton kerana pemilihan pelakon yang sangat berpengalaman dalam

bidang lakonan,” katanya.

Baginya menjadi seorang pengarah adalah satu tugas yang berat di mana harus mengawal dan menyelia pelbagai segi dalam produksi demi menghasilkan sebuah filem berkualiti dan menarik hati penonton.

Skrip *Try Catch Me!* ditulis berasaskan idea bersama ahli-ahli produksi Moonlight Pictures yang terdiri daripada pelajar major penulisan, seni kreatif UMS.

Moonlight Pictures digerakkan 11 kru yang masing-masing mempunyai tanggungjawab tersendiri

untuk dilaksanakan.

Penayangan *Try Catch Me!* kepada orang ramai akan dilaksanakan di Dewan Resital, UMS bersama filem-filem produksi pelajar seni yang lain pada Tarikh yang ditetapkan.

Harga tiket ialah RM5 dengan kombo-kombo yang menarik dan disifatkan sebagai amat murah dan berbaloi.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan produksi melalui laman sosial seperti Instagram [Moonlight_picture5](#) dan Facebook [Moonlight Pictures](#).